

EMPAT TEKNOLOGI ASAS YANG HARUS DIKUASAI OLEH AKAUNTAN PADA ERA DIGITALISASI

**SAMSURIA ABDUL RAHMAN
& DR. YUSRI HUZAIMI MAT JUSOH**

✉ samsuria@uitm.edu.my

Pada era digitalisasi perubahan pesat yang berlaku pada dunia perniagaan telah mengubah peranan akauntan dari hanya sebagai pencatat rekod perakaunan kepada pemberi nilai tambah kepada perniagaan. Kata kunci seperti mata wang digital (*bitcoin*), rangkaian blok teknologi (*blockchain*), pembelajaran mesin (*machine learning*) dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) telah merubah landskap dunia perniagaan. Realitinya, dengan perkembangan teknologi ini secara langsung dapat membantu para akauntan untuk memberi nilai tambah kepada dunia perniagaan.

Soalnya sejauh manakah para akauntan di Malaysia bersedia dan sanggup untuk menghadapi perubahan dalam dunia digital pada hari ini?

Jika kita berbincang mengenai teknologi pada hari ini, bukan bererti para akauntan hanya perlu memuat turun resit jualan daripada sistem titik jualan (*Point of Sales (POS)*) dan mengeksport dan memanipulasi data supaya boleh dimasukkan dalam perisian perakaunan. Melalui perkembangan teknologi semasa, kerja-kerja seperti yang dinyatakan di atas boleh dilakukan secara automasi. Jadi, sudah tiba masanya untuk para akauntan mula memikirkan cara terbaik dalam menggunakan alatan teknologi bagi mengoptimumkan penggunaan data raya dan seterusnya meningkatkan rangkaian nilai dengan menyediakan khidmat nasihat sebagai pemberi tambah. Berikut ialah empat teknologi yang harus dikuasai oleh para akauntan pada era digital:



Perakaunan Awan dan Auditan Kecerdasan

Kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin (ML) adalah merupakan teknologi yang berfungsi tanpa had masa dan tidak terbatas pada ruang waktu. Teknologi ini dapat diakses pada bila-bila masa yang diperlukan. Walaupun teknologi ini tidak dapat menandingi pandangan manusia, namun ianya mampu melengkapkan kuasa otak manusia. Kecerdasan buatan mampu melakukan pengiraan yang berat dan membosankan. Segala analisa yang dibuat akan diakses melalui storan awan (*cloud storage*). Teknologi pembelajaran mesin juga mampu membuat kerja-kerja pengesahan maklumat dan menjadikan kerja-kerja pengauditan tampak lebih efektif dan efisien. Penggunaan teknologi seperti ini dapat memberi peluang kepada akauntan untuk memberi pandangan yang lebih bermanfaat dan bernilai kerana kerja-kerja pengesahan dan analisa data telah pun diambil alih oleh teknologi walaupun bukan sepenuhnya.

Aplikasi Perniagaan

Aplikasi perniagaan adalah satu aplikasi yang direka khusus untuk membantu dalam pengurusan dan operasi perniagaan. Terdapat pelbagai jenis aplikasi perniagaan yang boleh membantu akauntan bertindak lebih berkesan untuk pelanggan perniagaan mereka. Walaupun terdapat pelbagai aplikasi perniagaan di luar sana, namun sebagai akauntan yang memberi nilai tambah kepada perniagaan, aplikasi tersebut mesti mampu diintegrasikan dan disepadukan supaya kerja-kerja pengurusan dan pemantauan menjadi lebih mudah dan teratur. Contohnya, aplikasi *Whatsapp* perniagaan mestilah boleh disepadukan dengan emel perniagaan supaya data yang ada dalam *Whatsapp* selamat dan boleh diakses melalui emel. Kebanyakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di seluruh dunia menggunakan antara 15 hingga 20 aplikasi perisian untuk menjalankan perniagaan mereka. Sebagai akauntan yang berada pada era digitalisasi ini, sudah semestinya para akauntan perlu dan harus mempunyai kemahiran tambahan supaya kesemua aplikasi perniagaan dapat disepadukan dan diintegrasikan ke dalam storan awan.

Data Bank Langsung

Data Bank Langsung adalah merujuk kepada proses di mana data transaksi daripada akaun bank dihantar secara automatik ke sistem perakaunan atau perisian kewangan tanpa memerlukan input manual. Manfaat Data Bank Langsung kepada akauntan pada zaman digitalisasi adalah;

- Kecekapan: Memudahkan pengurusan kewangan dengan mengelakkan pengisian data secara manual. Ini membolehkan akauntan menumpukan pada tugas-tugas lain yang lebih penting.
- Ketepatan: Mengurangkan kemungkinan kesilapan manusia dalam catatan transaksi. Data yang dihantar secara langsung biasanya lebih tepat dan terkini.
- Pemantauan Masa Nyata: Memberikan akses kepada maklumat transaksi secara masa nyata, membantu dalam pemantauan kewangan yang lebih baik dan membuat keputusan yang lebih cepat.
- Penjimatan Masa: Mengurangkan masa yang dihabiskan untuk tugas-tugas pentadbiran seperti memasukkan data secara manual.
- Penyesuaian Mudah: Memudahkan proses penyelarasan antara catatan perakaunan dan penyata bank. Transaksi dalam sistem perakaunan boleh dibandingkan terus dengan data daripada bank.



Pengecaman Aksara Optik (OCR)

Pengecaman Aksara Optik (*Optical Character Recognition (OCR)*) adalah teknologi yang digunakan untuk mengubah teks yang terdapat dalam gambar atau dokumen yang dipinda menjadi teks yang boleh diedit dan dicari secara digital. OCR dapat membantu kerja-kerja perakaunan menjadi lebih efisien dengan cara berikut;

- Pengurusan Dokumen: Memudahkan pencarian dan pengurusan dokumen dengan membolehkan teks dalam dokumen dipilih, dicari, dan dikategorikan.
- Automasi: Digunakan dalam automasi proses pejabat, seperti memproses borang atau invois secara automatik.
- Aksesibiliti: Membantu orang yang mempunyai masalah penglihatan dengan menukar teks dalam gambar menjadi format yang boleh dibaca oleh perisian pembaca skrin.

Oleh yang demikian, bagi memastikan akauntan kekal relevan pada era digitalisasi ini, maka mereka mestilah mampu menguasai empat teknologi asas ini supaya dapat terus kekal bersaing dalam dunia tanpa sempadan hari ini.